

## MDR komited jadikan pekan Ranau 'Pekan Paling Bersih' di Sabah

- 2022-07-20T13:54:20+08:00



MESYUARAT: Sebahagian yang hadir ke mesyuarat Jawatankuasa Pengindahan dan Kebersihan pekan Ranau.

RANAU: Majlis Daerah ini (MDR) komited mewujudkan pekan Ranau sebagai antara 'Pekan Paling Bersih' di Sabah memandangkan pekan itu salah satu lokasi pelancongan utama di negara ini malah di peringkat Antarabangsa.

Pegawai Daerah Ranau selaku Pengerusi MDR Jumain Abdul Ghani berkata pekan Ranau perlu sentiasa bersih, indah dan ceria bukan sahaja cantik dipandang mata malah selamat untuk dikunjungi.

“Kebersihan pekan Ranau dan Kundasang perlu dijaga dengan kerjasama semua pihak dan bukan menuding jari semata-mata kepada pihak MDR atau Pihak Berkuasa Tempatan(PBT),” katanya.

Beliau berkata demikian semasa mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Pengindahan dan Kebersihan Pekan Ranau di Bilik Mesyuarat MDR di sini.

Katanya pihaknya akan melancarkan Kempen Pengindahan Pekan dalam masa terdekat ini bagi memberikan kesedaran kepada umum betapa pentingnya menjaga kebersihan secara menyeluruh.

Dalam mesyuarat itu, Pegawai Eksekutif MDR Jupirin Ruhimin turut membentangkan Kertas Konsep Kempen Pengindahan dan Keceriaan daerah Ranau sekaligus membentangkan Kempen Pengibaran Jalur Gemilang peringkat daerah Ranau 2022.

Menurutnya, sempena sambutan Hari Kemerdekaan peringkat daerah Ranau bulan Ogos tahun ini semua pemilik premis perniagaan, bangunan Pejabat Kerajaan Negeri, Persekutuan, Swasta, bangunan Penginapan Inap Desa, Hotel Penginapan dan bangunan rumah kediaman persendirian digalakkan mengibarkan Jalur Gemilang sebagai tanda kesyukuran dan penghormatan kejayaan negara menikmati keamanan dan keharmonian sejak mencapai kemerdekaan.

Jumain dan Jupirin menyeru warga Ranau supaya mengibarkan Jalur Gemilang sepanjang bulan Ogos sehingga sambutan Hari Malaysia bulan September depan sebagai bukti sokongan bagi memeriahkan suasana sambutan bulan Kemerdekaan tahun ini.

"Kita mengharapkan lapisan masyarakat di daerah ini tanpa membezakan suku kaum, agama, budaya dan ideologi politik supaya menyahut seruan mengibarkan Jalur Gemilang bagi menyemarakkan lagi suasana sambutan Hari Kemerdekaan tahun ini," katanya.

Menurutnya, pelbagai program sudah dirancang untuk dilaksanakan sempena sambutan Bulan Kemerdekaan peringkat daerah Ranau tahun ini termasuklah, pertandingan Perarakan Kereta Berhias, Perbarisan Kontinjen Sekola Rendah, Sekolah Menengah, Jabatan Kerajaan Negeri, Persekutuan dan Swasta yang tarikh dan lokasinya akan ditentukan pada mesyuarat akan datang.

"Saya berterima kasih dengan kehadiran semua ke mesyuarat kali ini dan mengharapkan lebih ramai lagi yang hadir pada mesyuarat akan datang.

"Kita merakam penghargaan dan terima kasih dengan kehadiran mantan Pengarah DBKK, Datuk Dr.Chua Kim Hing yang memberi banyak panduan terhadap usaha mengindahkan pekan terutama membimbing masyarakat agar tidak membuang sampah-sarap di merata tempat.

Hadir sama Ketua Pegawai Perhubungan Parlimen Ranau Benedict Gunda, PPM Paginatan Mohd.Hisyamuddin Harun, PPM Karanaan Rosdie Abd.Ghani, PPM Kundasang Dounis Sany serta Pengerusi JKDB pekan Ranau Tan Eng Sing.

- oleh  
Vivi Olviana Najurus